



INSTITUTE OF
POSTGRADUATE
STUDIES



THE
8th
INGRAW
2013
ISDEV INTERNATIONAL
GRADUATE WORKSHOP
30 - 31 October
University Conference Hall
Universiti Sains Malaysia
Penang, Malaysia

JOINTLY ORGANISED BY:

CENTRE FOR ISLAMIC DEVELOPMENT
MANAGEMENT STUDIES (ISDEV)
AND INSTITUTE OF POSTGRADUATE STUDIES (IPS)

PROCEEDING
JILID 1

<http://isdevnews07.blogspot.com>
<http://isdev.usm.my>

PENGUKURAN DALAM PENYELIDIKAN MENURUT ILMU MANTIK¹Shahir Akram Hassan²

Calon Ijazah Kedoktoran

Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV)

Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan

Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang

E-mel: shahir_isdev@yahoo.com

Tel: 04-653 2661; Faks: 04-653 2124

Abstrak

Kertas kerja ini bertujuan meneliti kaedah pengukuran dalam penyelidikan Islam menurut ilmu mantik. Dalam menjalankan penyelidikan, pengukuran memainkan peranan yang penting. Pengukuran dalam penyelidikan mempunyai pengaruh yang besar dalam menilai data dan menentukan hasil penyelidikan. Persoalannya, setakat manakah pengaruh pengukuran dalam penyelidikan berkaitan Islam dan orang Islam? Adakah penyelidikan berkaitan Islam boleh mengukur data dan menganalisis menggunakan kaedah pengukuran dalam kaedah penyelidikan lazim? Atau adakah terdapat kaedah pengukuran lain yang sesuai untuk membuat penyelidikan berkaitan Islam dan orang Islam? Kenapa tidak kaedah pengukuran penyelidikan berteraskan Islam diambil daripada ilmu yang berasal daripada ilmu Islam sendiri seperti ilmu Mantik? Bagi menjawab persoalan ini, kertas kerja ini menumpukan kepada dua perbincangan. Pertama, mengenal pasti kaedah pengukuran menurut ilmu mantik. Kedua, menganalisis kaedah pengukuran dalam penyelidikan Islam menurut ilmu mantik untuk kaedah penyelidikan berteraskan Islam. Kertas kerja ini akan dibuat menggunakan kajian perpustakaan dan analisis kandungan. Kajian ini mendapati dalam ilmu mantik terdapat empat kayu ukur utama iaitu yaqin, zann, syak dan batil. Daripada kayu ukur ini, pengukuran mengikut ilmu mantik didapati lebih praktikal dalam penyelidikan serta sememangnya telah dipraktikkan oleh umat Islam dalam kehidupan seharian. Selain itu, kayu ukur ini juga mengambil kira apa yang boleh dilihat dan merangkumi apa yang tidak boleh dilihat malah kayu ukur ini juga membawa kepada penjelasan yang lebih mendalam.

Kata Kunci: Pengukuran (*Measurement*), Mantik, Kaedah Penyelidikan Islam

PENDAHULUAN

Kertas kerja ini dibentangkan di *The 8th International Graduate Workshop (INGRAW 2013)* pada 30-31 Oktober 2013, anjuran Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV) dengan kerjasama Institut Pengajian Siswazah (IPS), Universiti Sains Malaysia di Dewan Persidangan Utama, Universiti Sains Malaysia.

Shahir Akram Hassan merupakan calon Ijazah Kedoktoran di Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia. Beliau juga merupakan Felo RLKA (Rancangan Latihan Kakitangan Akademik) di Bahagian Pengurusan Pembangunan Islam (PPI), Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia.

as kerja ini bertujuan untuk membincangkan pengukuran dalam penyelidikan menurut ilmu mantik. Pengukuran dalam penyelidikan merupakan suatu cara untuk menghubungkan konsep abstrak dengan petunjuk empirikal (Yan Piaw, 2006). Ia merupakan kaedah untuk merealistikkan konsep abstrak kepada petunjuk-petunjuk spesifik yang dapat dianalisis dan dihuraikan dengan tepat. Dalam penyelidikan, setiap konsep abstrak dinyatakan dengan menggunakan satu petunjuk yang spesifik, yang dapat diukur. Konsep-konsep tersebut dinamakan variabel. Variabel ialah suatu yang boleh diganti dengan angkanya yang mewakili nilai-nilai yang berbeza (Blaikie, 2009). Mengikut amalan penyelidikan lazim, biasanya variabel diukur dalam empat skala, iaitu nominal, ordinal, metrik dan nisbah.

Untuk mencapai objektif yang ditetapkan, kertas kerja ini akan dibahagikan kepada dua bahagian perbincangan. Pertama, perbincangan tentang kaedah *yaqin*, *zann*, *syak* dan *batil* menurut ilmu mantik. Kedua, analisis pengukuran dalam penyelidikan menurut ilmu mantik. Perbincangan tentang kaedah *yaqin*, *zann*, *syak* dan *batil* menurut ilmu mantik dilakukan bagi memahami apakah asas pengukuran menurut ilmu mantik. Setelah difahami asas pengukuran menurut ilmu mantik, barulah dianalisis pengukuran dalam penyelidikan menurut ilmu mantik.


KAEDAH YAQIN, ZANN, SYAK DAN BATIL MENURUT ILMU MANTIK

Ilmu mantik, sekurang-kurangnya terdapat empat kayu ukur ke atas sesuatu perkara. Pertama, *yaqin*. Kedua, *zann*. Ketiga, *syak*. Keempat, *batil*. *Yaqin* ialah apabila pengkaji pasti tentang sesuatu yang diketahuinya adalah sama dengan apa yang nyata. Ia pula disandarkan pada bukti yang kuat. *Zann* pula ialah apa yang menghampiri *yaqin* sehingga hampir-hampir tiada yang mungkin dapat menyanggah perkara tersebut. Misalnya perkara-perkara yang melibatkan keadilan atau kelebihan. *Syak* ialah tahap di mana kemungkinan untuk benar atau salah berada pada tahap yang sama. Benar tidak dapat mengatasi yang salah. Salah pula tidak dapat digurangkan yang benar. *Batil* ialah apa yang tidak sampai kepada tahap *yaqin*, *zann* dan

itu juga menurut ilmu mantik. Setiap perkara boleh dibahagikan kepada empat kayu ukur sama ada *yaqin*, *zann*, *syak*, atau *batil*. Cuma menurut al-Habannakah (1993), *zann* ada dua iaitu *zann al-rajih* dan *zann al-marjuh*. *Zann al-rajih* ialah *zann* yang dekat dengan *yaqin*. *Zann al-marjuh* ialah *zann* yang telah ditolak oleh *zann* yang *al-rajih*. Kedudukannya di bawah *syak*.

Empat-empat kayu ukur ini menunjukkan yang setiap kenyataan atau ilmu dalam Islam, harus ditanyakan terlebih dahulu tahapnya. Jelasnya kedudukan mereka dalam sesuatu tahap, dapat menunjukkan kekuatan dan kedudukan sesuatu kenyataan atau ilmu. Hasilnya jelas manakah untuk menerima atau menolak sesuatu kenyataan atau ilmu itu.

Diagram mengenai kaedah *yaqin*, *zann*, *syak* dan *batil* menurut ilmu mantik seperti yang dibincangkan tadi dapat digambarkan seperti Gambar Rajah 1.



Gambar Rajah 1: *Yaqin*, *Zann*, *Syak* dan *Batil* Menurut Ilmu Mantik

Gambar rajah 1 menunjukkan *yaqin* merupakan manifestasi kepada keyakinan yang penuh. Keyakinan yang pertengahan dinamakan *syak*, mewakili setengah keyakinan dan setengah kebatilan. *Batil* pula menunjukkan tiada apa yang perlu dinyatakan dan tiada hujah yang dapat diberi. *Zann* pula terbahagi kepada dua. *Zann al-rajih* mendekati dengan *yaqin* manakala *zann al-marjuh* pula berada antara *syak* dan *batil*, di bawah *zann al-rajih*. *Zann al-marjuh* juga dikenali sebagai *wahm*.

ANALISIS PENGUKURAN DALAM PENYELIDIKAN MENURUT ILMU MANTIK

Dalam Islam, selain mementingkan kaedah penaakulan sesuatu perkara, kaedah mengukur sesuatu perkara juga diambil kira. Terdapat sekurang-kurangnya empat kayu ukur yang digunakan dalam Islam iaitu *yaqin*, *zann*, *syak* dan *batil*. Penting bagi setiap penyelidikan untuk menetapkan standard ukuran bagi setiap variabel. Dalam kata lain, maklumat manakah yang boleh ditetapkan sebagai *yaqin*, maklumat manakah yang boleh dikatakan pada tahap *zann*, dan maklumat manakah yang hanya mencapai tahap *syak*. Daripada situ pula dapat dikenal pasti dengan jelas maklumat yang *batil*.

Kayu ukur dalam penyelidikan berkaitan Islam ini merupakan asas yang perlu digunakan bagi memastikan tiada pertikaian selepas ditemui hasil kajian. Begitu juga, kayu ukur ini dapat digunakan dalam kajian itu sendiri bagi menapis atau mengukur tahap data yang dikumpulkan sekali gus akan membantu dalam proses penganalisan data.

Kaedah pengukuran dalam ilmu mantik menunjukkan yang sekurang-kurangnya setiap perkara diukur dalam lima peringkat iaitu *yaqin*, *zann al-rajih*, *syak*, *zann al-marjuh* dan *batil*. Setiap bahagian mempunyai kesannya yang tersendiri. Islam secara umumnya hanya

prima maklumat yang bersifat *yaqin* dan *zann al-rajih*. Ia berasaskan firman Allah SWT bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman. Apabila orang-orang perempuan yang mengaku beriman datang berhijrah kepada kamu, maka ujilah (iman) mereka: Allah lebih mengetahui akan iman mereka: Dengan yang demikian, sekiranya kamu mengetahui bahawa mereka beriman, maka janganlah kamu mengembalikan mereka kepada orang-orang yang kafir” (Surah al-Mumtahanah, 60:10)

an ayat di atas, Allah memerintahkan supaya perempuan-perempuan yang mengaku an itu diuji. Menurut al-Habannakah (1993), ilmu hasil daripada ujian itu hanyalah akan at *zann al-rajih*. Daripada sinilah diletakkan asas yang sekurang-kurangnya sesuatu umat atau ilmu itu perlulah bersifat *zann al-rajih* untuk diterima sebagai maklumat. n sebaik-baiknya adalah ilmu *yaqin*.

urut Abdul Rahman Abdullah (2005) ulama menafsirkan yang *yaqin* mempunyai tiga gkat. Pertama, *ilmul-yaqin*. Kedua, *'ainul-yaqin*. Ketiga *haqqul-yaqin*. *Ilmul-yaqin* oakan keyakinan rasional atau yang bersumberkan akal fikiran seperti firman Allah yang bermaksud:

“Janganlah begitu, jika kamu mengetahui dengan pengetahuan yang yakin (*ilmul-yaqin*)” (Surah al-Takathur, 102:5)

l-yaqin pula, ia merupakan keyakinan empirikal, yakni yang berdasarkan sumber panca a, khususnya indera penglihatan. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“(Ingatlah) Demi sesungguhnya, kamu akan melihat neraka yang marak menjulang. Selepas itu, demi sesungguhnya, kamu (wahai orang-orang yang derhaka) akan melihatnya dengan penglihatan yang yakin (semasa kamu dilemparkan ke dalamnya)” (Surah al-Takathur, 102:6-7)

ng *haqqul-yaqin* pula, ia merupakan keyakinan hakiki, tanpa sebarang kemungkinan dan silap kerana ia berasal daripada wahyu Allah SWT seperti mana firman Allah SWT bermaksud:

“Dan sesungguhnya al-Qur’an itu benar-benar kebenaran yang meyakinkan *haqqul-yaqin*)” (Surah al-Haqqah, 69:51)

pengukuran dalam Islam bukan sahaja mengambil kira daripada sudut ilmu yang ul atau bukti empirikal. Ilmu Islam juga memperakui bukti daripada wahyu iaitu al- dan Hadith. Malah menurut epistemologi Islam, al-Qur’an dan Hadis yang shahih ia sebagai maklumat atau pun ilmu yang benar dan *yaqin*.

i contoh, keempat-empat kayu menurut ilmu mantik juga digunakan secara al dalam fekah. Misalnya dalam soal menentukan waktu solat. Jika daripada atatan seseorang itu, *yaqin* yang waktu solat sudah masuk berdasarkan petanda yang a sudah boleh solat. Begitu juga jika dia *zann* atau cenderung kepada *yaqin*. Dia juga solat. Sebaliknya jika dia ragu-ragu (*syak*) yang waktu solat telah masuk, dia perlu kepada petunjuk lain sebelum dia boleh bersolat.

Dengan mengikut kaedah kayu ukur menurut ilmu mantik, kaedah *yaqin*, *zann*, *syak* dan *batil* ini dilihat dapat menyelaraskan penemuan dalam penyelidikan berkaitan Islam untuk penilaian daripada aspek fekah. Penemuan berkaitan Islam dan orang Islam yang dapat menghasilkan penemuan pada peringkat *yaqin*, maklumat tersebut akan dapat membantu peringkat proses penfatwaan. Kalau pun sesuatu kajian yang hanya mendapat hasil kajian yang bertahap *zann*, paling kurang ia adalah hasil kajian yang mengikut serta selaras dengan kaedah fekah yang membolehkan sekurang-kurangnya penemuan itu di ambil perhatian serta dibuat pertimbangan. Namun perlu ditekankan, kaedah serta kajian yang dilakukan berkenaan Islam dan orang Islam tersebut haruslah terlebih dahulu mengikut kaedah penaakulan Islam ini dengan selaras sehingga dapat mengikut kaedah kayu ukur Islam ini.

PENUTUP

Daripada perbincangan di atas, sekurang-kurangnya dapat disimpulkan tiga sebab pengukuran dalam penyelidikan menurut ilmu mantik sesuai digunakan dalam penyelidikan berkaitan Islam dan orang Islam. Pertamanya kaedah pengukuran ini telah digunakan setiap hari dalam kehidupan umat Islam. Sebagai mana yang dapat diperhatikan daripada contoh yang diberikan, seseorang perlu mempertimbangkan setiap perkara sama ada *yaqin*, *zann*, *syak* atau *batil*. Apatah lagi jika ia melibatkan ibadat. Kedua, kaedah pengukuran menurut ilmu mantik ini melihat kepada maklumat yang melebihi apa yang boleh dilihat oleh panca indera. Kelebihan ini berpunca daripada ilmu *yaqin* yang bersumberkan al-Qur'an dan Hadith. Ketiga, jika digabungkan kaedah pengukuran menurut ilmu mantik dengan konsep dalam Islam, kefahaman tentang sesuatu perkara akan menjadi lebih luas dan lebih mendalam kerana dibantu oleh wahyu. Maka dengan adanya kaedah pengukuran menurut ilmu mantik ini, penyelidikan berkaitan Islam dan orang Islam akan dapat mengukur dengan lebih tepat. Begitu juga data yang diperolehi daripada hasil pengukuran yang tepat akan membantu analisis yang lebih sesuai dan lebih tepat untuk Islam dan umat Islam.

BIBLIOGRAFI

Al-Quranul Karim

Abdul Rahman Hj Abdullah. (2005). *Wacana Falsafah Ilmu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Abdul Rahman Hj Abdullah. (2007). *Falsafah Dan Kaedah Pemikiran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Abu Abdullah Muhammad Ahmad Muhammad 'Ulaisy. (1877). *Idhah Ihda' Hikmah al-Hakim Fi Bayan Bismillahi al-Rahman al-Rahim*. Mesir: Matba'ah al-Wahbiah.

- ad Damanhuri. (2006). *Idah al-Mubham Fi al-Ma'ani al-Sullam*. Beirut: *Maktabah al-Ma'arif*.
- ad Hasan. (1986). *Analogical Reasoning In Islamic Jurisprudence*. Islamabad: The Islamic Research Institute.
- Ghazali, Abu Hamid. (2010). *Ihya al-Ulum al-Din*. Beirut: *Dar Sodir*.
- abannakah, Abdul Rahman Hassan. (1993). *Dowabit al-Ma'rifah*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Quasini, Hassan Darwish. (t.t). *Syarh 'Ala Matn al-Sullam Fi al-Mantik*. Rabat: *Maktabah Dar al-Iman*.
- hanqiti, Muhammad Bin Mahfuz Bin Mukhtar Fal. (2007). *Al-Dhau al-Musyriq Ala Sullam al-Mantiq*. Beirut: *Dar al-Kutub al-Ilmiyyah*.
- kie, Norman (2009). *Designing Social Research*. Cambridge: Polity Press.
- d, Robert. (2003). *Critical Reasoning And Logic*. New Jersey: Pearson edication Inc.
- Syukriadi Sambas. (2003). *Mantik Kaidah Berpikir Islami*. Bandung: PT Remaja Rosdakarya.
- y Safi. (1996). *The Foundation Of Knowledge-A Comparative Study In Islamic and Methods Of Inquiry*. Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia Press.
- Rofa Ismail. (1997). *Mantik Dalam Babak Pemikiran Ilmiah Tamadun Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- hammad Syukri Salleh. (2008). "Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam: Keperluan, Kedudukan dan Hala Tuju". *Pemikir*, Bil. 54, Oktober-Disember. hlm. 133-164. Diterbitkan Semula Dalam Siri Kertas ISDEV No. 8.
- hammad Syukri Salleh. (2011). "Ke Arah Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam", dlm. Zakaria Bahari, et al., (Ed.). *Pengurusan Ilmu, Ekonomi Dan Pembangunan Berteraskan Islam*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti sains Malaysia.
- hammad Taqiy al-Mudarrisi. (1992). *Al-Mantiq al-Islami: Usuluhu Wa Manahijuhu*. Kaherah: *Dar al-Bayan Li al-Tiba'ah Wa al-Nashr*.
- ny Bustami, Eleesya Nasruddin & Norman Blaikie. (2006). *Lima Falsafah Penyelidikan*. Pulau Pinang: KnowledgeCraftsmen.
- i, Abu Ishak al-. 1994. *al-Muwafaqat*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- ington, L. Bart et.al., (2010). *Research Methods For The Behavioral And Social Sciences*. New Jersey: John Wiley & Sons.

Piaw, C. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan*. Malaysia: McGraw-Hill Education.